

Headline **Saya rela membuja ng asalkan tak sebar virus**
Date **25 Sep 2011**
MediaTitle **Berita Minggu**
Section **Nasional**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **297,950 / 2,476,000**

Language **Malay**
Page No **10,11**
Article Size **294 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **7,737**
PRValue **23,211**



'Saya rela membuja ng asalkan tak sebar virus'

"BIARLAH membuja ng sepanjang hayat daripada rosakan masa depan dan sebar kan virus maut HIV pada orang disayangi. Saya rela tidak beristeri dan mempunyai zuriat asalkan tidak kejam membunuh pandangan masyarakat terhadap masa depan mereka," luah pembawa virus positif AIDS, Yusof Bakar (bukan nama sebenar), 50.

Lelaki dari Perak itu berniat membina kehidupan berkeluarga bersama gadis dari Pantai Timur suatu ketika dulu, namun membatalkan hasrat akibat diburu perasaan bersalah.

Katanya, naluri kelelakiannya tercabar apabila berkemungkinan menyebarkan virus kepada individu tidak bersalah meskipun memerlukan teman hidup serta menimang zuriat sendiri.

"Kami hangat dilamun cinta apabila saya buat keputusan menghilangkan diri tanpa pesan. Saya tahu perasaannya tercalar dan sedih kerana terlalu menyayangi, namun terpaksa buat kerana tiada pilihan. Sesal dan pilu mencengkam namun menyakitkan apabila terpaksa melepaskan gadis kesayangan kerana penyakit ini (HIV)," katanya sayu.

Yusof menjelaskan dia mula berjinak dengan aktiviti menagih kerana desakan kawan selepas berhijrah ke Kuala Lumpur bagi mencari sesuap nasi. Kesilapannya memilih kawan menyebabkan dia hanyut sehingga disahkan positif AIDS, dua

tahun lalu.

Selepas hanyut sekian lama, Yusof tekad untuk berubah ke arah kebaikan, sekali gus menjalani pemulihan kerohanian diri sebagai bekal kelak. Meskipun masih diterima ahli keluarga terutama kakak sulungnya, dia bertegas tidak mahu menyusahkan orang lain dan bersikap menyisihkan diri sendiri dan nekad tidak akan berkahwin sehingga hembusan nafas terakhir.

Berbeza bagi lelaki kurus berkulit cerah berasal dari Pahang yang dikenali sebagai Shuib (bukan nama sebenar), 48, dia mempunyai seorang isteri serta seorang anak lelaki berusia 14 tahun.

Mahir dalam bidang jahitan, lelaki yang bersekolah setakat Tingkatan Lima itu, sedar akan risiko jangkitan HIV kepada pasangan menyebabkan dia mengamalkan langkah pencegahan sedari awal disahkan menghidap penyakit berkenaan.

"Perkongsi an hidup selama 16 tahun hampir runtuh kerana kedangkalan memilih jalan hidup 'sampah masyarakat' namun, kasih sayang terbina menyelamatkan hubungan kami. Masyarakat tergamak memandang hina pada insan seperti kami," katanya.

Bermotivasi tinggi dan yakin mampu berjaya seperti insan normal, Shuib mahu mengusahakan tanaman kampung selepas hampir lima bulan dimasukkan ke rumah perlindungan Darul Ukhwah kerana

menderita teruk akibat jangkitan HIV.

Risau kan keselamatan anak lelakinya yang kian meningkat dewasa, Shuib tidak rela membiarkan anak kesayangannya mengikut jejak langkahnya sekali gus mengelak daripada berkawan dengan remaja naka l.

Katanya, amat mudah mengenali golongan bermasalah sedemikian berikutan terjebak dalam kanc ah masalah sama. Sehubungan itu, dia rela membuka pekung masalah diri asalkan anaknya tidak mengikut rentak kesalahan sewaktu mudanya.



Perkongsi an hidup selama 16 tahun hampir runtuh kerana kedangkalan memilih jalan hidup 'sampah masyarakat' namun, kasih sayang terbina menyelamatkan hubungan kami. Masyarakat tergamak memandang hina pada insan seperti kami

Shuib
Penghidap HIV



Sesal dan pilu mencengkam namun menyakitkan apabila terpaksa melepaskan gadis kesayangan kerana penyakit ini



Yusof Bakar
Penghidap HIV